

MDKL gempur premis kotor, jijik

BANTING -Jijik dan meloyakan! Begitu gambaran keadaan di dua premis makanan di Pekan Banting di sini hingga diarah tutup oleh pihak berkuasa.

Dalam serbuan dan pemeriksaan dilakukan Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), pengusaha kedai makan didapati gagal menyelenggara premis dalam keadaan baik dan bersih setiap masa.

Pengarah Penguatkuasa MDKL, Nordila Yasir berkata, hasil pemeriksaan dilakukan pihaknya mendapati aspek kebersihan tidak menjadi keutamaan pengusaha yang menjalankan perniagaan makanan tanpa memikirkan keselamatan pengunjung.

Menurutnya, dua premis terbabit diarah tutup serta-merta selepas didapati melanggar pelbagai peraturan ditetapkan.

"Antara kesalahan dilakukan termasuk tidak pakai apron dan penutup kepala di bawah Seksyen 8(5) Undang-Undang Kecil Pengendali makanan (MDKL) 2007; tidak sediakan perangkap makanan hingga sisa makanan dan



Anggota penguatkuasa MDKL menyita premis yang melakukan pelbagai kesalahan.

minyak terus ke longkang di bawah Seksyen 19(1)(d) Undang-Undang Kecil Establisyment Makanan (MDKL) 2007 dan tidak selenggara premis dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.

"Pengusaha turut dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15 Undang-Undang Kecil Establisyment Makanan (MDKL) 2007, tindakan pembersihan perlu dilakukan serta-merta,"katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan melibatkan 16 orang anggota Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan

Persekitaran, Jabatan Perbandarahan serta Unit Korporat dan Perhubungan Awam MDKL.

Menurutnya, hasil serbuan, kedua-dua premis makanan disita di bawah Undang-Undang Kecil 62, Undang-Undang Kecil Perlesenan Establisyment Makanan (MDKL) 2007.

Pemilik premis diberi tempoh 14 hari untuk melakukan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan seperti diarahkan.

Nordila berkata, sepanjang pemeriksaan, beberapa kesalahan lain turut dikesan.

Tiada mangsa terkorban kebakaran klinik desa

KUALA LANGAT- Tiada mangsa dilaporkan dalam kejadian kebakaran Klinik Desa Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, kelmarin.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Penguasa Kanan Bomba I, Norizham Mohd Nudin berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan memaklumkan kejadian pada jam 8.34 malam.

Menurutnya, anggota bomba dari Balai Bomba dan

Penyelamat (BBP) Telok Panglima Garang, BBP Pelabuhan Klang dan BBP Banting bergegas ke lokasi diketuai Penolong Penguasa Bomba Mohd Hafizie Hassan.

"Kebakaran babitkan sebuah bangunan kelas C klinik desa berkeluasan 80 x 40 kaki persegi.

"Tiada mangsa tercedera atau terkorban dalam kebakaran klinik yang dikhususkan untuk ibu mengandung ini. Punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.



Tiada mangsa dilapor cedera atau terkorban dalam kebakaran klinik desa di Telok Panglima Garang, kelmarin.